

KUALA-LUMPUR, 23 MEI (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN ORANG-ORANG MELAYU BAHAWA DUDUK DALAM RUMAH-RUMAH PANGSA BUKAN SATU PERKARA YANG HINA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA RUMAH-RUMAH PANGSA BOLEH DIBINA SEMEWAH-MEWAHNYA JIKA MEREKA SANGGUP MENANGGUNG KOSNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO, JUGA MERAYU ORANG-ORANG MELAYU BANDAR AGAR MENERIMA SEDIKIT PENERBANAN DALAM CARA HIDUP MEREKA SUPAYA MEREKA KEKAL HIDUP DI BANDAR.

+HIDUP DI BANDAR WALAUPUN DI RUMAH-RUMAH PANGSA ADALAH SEMPURNA WALAUPUN KESEMPURNAAN INI BERBEZA DENGAN KEHIDUPAN DI LUAR BANDAR, KATANYA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PELANCARAN PERSATUAN PEMBELI-PEMBELI RUMAH BUMIPUTERA MALAYSIA TAJAABIRO PERUMAHAN DAN PEMBINAAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MERAYU ORANG-ORANG MELAYU YANG HIDUP DI BANDAR SUPAYA MENSESUAIKAN HIDUP MEREKA DENGAN KEADAAN BANDAR. --BERSAMBUNG 1949/MD

B610

MAHATHIR-RUMAH 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN PENYESUAIAN INI AMATLAH PENTING BUKAN SAJA SUPAYA BILANGAN PENDUDUK MELAYU DAPAT DIKEKALKAN TETAPI JUGA DI PERTINGKATKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN TENTANG DASAR KERAJAAN HENDAK MENGALAKKAN PEMBINAAN RUMAH-RUMAH KONDOMINIUM UNTUK RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH DI KAWASAN-KAWASAN BANDAR.

MENURUTNYA TUJUANNYA IALAH UNTUK MENAMPUNG PENINGKATAN DALAM KEPADATAN PENDUDUK DI KAWASAN-KAWASAN BANDAR MEMANDANGKAN KEKURANGAN TANAH.

+KEPUTUSAN INI DIBUAT BAGI MEMASTIKAN KEPADATAN PENDUDUK BANDAR ITU TIDAK MELMPAHKAN KE TEMPAT-TEMPAT LAIN AKIBAT KEKURANGAN PERUMAHAN+, TAMBAHNYA.

+LANGKAH INI JUGA BERTUJUAN MEMASTIKAN PENDUDUK BANDAR YANG KURANG MAMPU HIDUP DALAM KEADAAN LEBIH SEMPURNA DAN TIDAK TERUS SEBAGAI SETINGGAN+, JELASNYA. --BERSAMBUNG 1952/MD

B611

MAHATHIR-RUMAH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGALU-ALUKAN PENUBUHAN PERSATUAN ITU KERANA IA DAPAT MEMBANTU KERAJAAN DAN RAKYAT DALAM MENGHADAPI MASALAH-MASALAH PERUMAHAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDAR TENTANG KECURANGAN DAN PENYELEWENGAN YANG BERLAKU DALAM INDUSTRI PERUMAHAN DAN BERHARAP PERSATUAN ITU DAPAT MEMAINKAN PERANAN UNTUK MENYAMPAIKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT BALAS.

TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, DATUK HAJI ZAKARIA ABDUL RAHMAN, YANG TURUT BERUCAP MEMBERITAHU KERAJAAN TELAH MEMUTUSKAN BEBERAPA LANGKAH BAGI MELICINKAN LAGI PELAKSANAAN PROGRAM PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH.

INI TERMASUK MENUBUHKAN JAWATANKUASA PERHUBUNGAN DI SETIAP NEGERI YANG AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PELAKSANAAN SEKIM PERUMAHAN KOS RENDAH.

MENGENAI PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI PERUMAHAN, BELIAU KESAL KERANA PENGLIBATAN MEREKA MASIH RENDAH.

MENURUTNYA DARI SEJUMLAH 246,966 YUNIT RUMAH YANG TELAH DILULUSKAN LESEN PEMBINAAN, CUMA 17.4 PERATUS SAJA DIMILIKI OLEH BUMIPUTERA. --BERSAMBUNG 1956/MD

B612

MAHATHIR-RUMAH 4 KUALA LUMPUR

PERYERTAAN BUMIPUTERA SEBAGAI PEMAJU PERUMAHAN YANG BERLESEN JUGA MAMPU DIBUAT DAN DARI SEJUMLAH 1,776 LESEN YANG DIKELUARKAN CUMA 10 PERATUS DIMILIKI BUMIPUTERA.

PRESEDEN PERSATUAN, ENCIK TAMRIN ABDUL GHAFAR, YANG JUGA PENERUS MENTERI PERUMAHAN DAN PEMBINAAN PEMUDA UMNO MALAYSIA PULA MENYARANKAN DIBINA SEBUAH BANK PERUMAHAN NASIONAL DITUBUHKAN.

BANK INI MENURUTNYA, BOLEH DIBENTUK OLEH KERAJAAN ATAU PIHAK SWASTA ATAU PUN SECARA USAHA BERSAMA DAN FUNGSINYA ADALAH UNTUK MELAKSANAKAN USAHA-USAHA PEMBINAAN RUMAH.

LEBIH LAGI CRANG TERMASUK MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAN, MENTERI KEMAJLISAN AM, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH GHANI, DAN TIMBALAN MENTERI PERTANIAN, DATUK HAJI SUHAIMI DATUK HAJI KAMARUDIN, HADIR DI MAJLIS ITU. --BERNAMA 2000/MD